

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai aset-aset yang dimiliki oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) serta berapa nilai saham-saham tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Menerusi Pelan Rasionalisasi, 1MDB telah berjaya membawa masuk dana pelaburan yang signifikan daripada pelabur-pelabur domestik dan antarabangsa. Antara pencapaian 1MDB adalah seperti berikut:

- i. Penjualan tanah pembangunan di Tun Razak Exchange (TRX)

kepada Tabung Haji, Mulia Group (Indonesia), Affin Bank, WCT dan Lend Lease (Australia);

- ii. Penjualan 60% kepentingan ekuiti di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd pada nilai harga tanah sebanyak RM12.35 bilion; dan
- iii. Penjualan 100% kepentingan ekuiti di dalam syarikat Edra untuk nilai ekuiti sebanyak RM9.83 bilion dan pemindahan hutang sebanyak RM7.43 bilion.

Dengan penjualan kepentingan tersebut, 1MDB juga telah membuat pembayaran hutang-hutang seperti berikut:

- i. Pembayaran awal : RM3 bilion hutang (*syndicated loan*, dengan izin) kepada bank-bank tempatan;
- ii. Pembayaran awal : RM2 bilion hutang kepada Marstan;
- iii. Pembayaran awal : AS\$150 juta kepada Exim Bank; dan
- iv. Pembayaran balik : RM950 juta (*standby credit*, dengan izin) kepada Kerajaan Malaysia.

Pada masa ini, 1MDB tidak mempunyai sebarang hutang bank atau hutang jangka masa pendek.

Justeru itu, adalah jelas bahawa Pelan Rasionalisasi yang dijalankan

oleh 1MDB telah berjaya membawa masuk pelabur-pelabur domestik dan antarabangsa untuk memacu inisiatif projek pembangunan strategik jangka panjang Malaysia yang akan memanfaatkan ekonomi negara.

Tuan Yang Dipertua,

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada 7 April 2016 telah mengeluarkan laporan menyeluruh mengenai 1MDB yang bertajuk “Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development Berhad (1MDB)”. Laporan ini telah dibentangkan kepada semua ahli Yang Berhormat di Parlimen dan boleh dimuat turun dari laman web PAC. Senarai dan nilai aset yang dimiliki oleh 1MDB boleh didapati pada muka surat 36 laporan tersebut.